

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING  
(TAIPING)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25.05.2016**

**Y.B. TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara satu per satu tanah Kerajaan Persekutuan yang dijual secara tender terbuka sepanjang tempoh 2013 hingga 2016 dengan lokasi, keluasan tanah dan hasil yang berjaya diperoleh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Ahli Parlimen Taiping, bagi tempoh 2013 hingga 2015, tiada tanah Kerajaan Persekutuan yang dijual secara tender terbuka. Walau bagaimana pun pada tahun 2016, Kerajaan Persekutuan telah menawarkan secara tender terbuka

penjualan untuk 2 bidang tanah iaitu, di Jalan Lembah Ledang Kuala Lumpur dan Jalan Bukit Ledang Kuala Lumpur. Kedua-dua tawaran tender tersebut masih dalam proses untuk dimuktamadkan.